

PM arah sistem bayar kontraktor dipermudah

Kerajaan tidak mahu projek RMK-9 tergendala kerana terputus modal

Oleh Azmi Md Deros, Johari Ibrahim dan Munaarfah Abu Bakar

SIK: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengarahkan sistem pembayaran kepada kontraktor yang melaksanakan projek kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dipermudahkan dengan menggunakan satu borang berkomputer.

Perdana Menteri berkata, langkah itu dibuat bagi memastikan pembayaran dapat disegerakan kerana sebarang kelewatan akan menyebabkan timbulnya pelbagai tuduhan dan rasa tidak puas hati kontraktor dan pihak lain kepada kerajaan.

Katanya, borang tuntutan yang dipermudahkan itu adalah berdasarkan kepada empat prinsip asas iaitu pendedahan semua maklumat, telus, saling mempercayai antara pihak menuntut dan membayar ser-

ta akauntabiliti.

Beliau berkata, pihak yang diberi kuasa untuk mengesahkan tuntutan ialah jurutera, arkitek dan juruukur bahan.

"Apabila kontraktor sudah mengisi borang dan kerja yang dilakukan disahkan mengikut peraturan dan spesifikasi, bayar lah... tak payah belek dua tiga kali," katanya.

"Kelewatan pembayaran boleh menyebabkan projek tergendala kerana kontraktor terputus modal"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

lancarkan pelan induk Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Nasional, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Hal Ehwal Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad dan Menteri Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi.

Perdana Menteri berkata, tidak timbul soal tuntutan tidak benar jika sistem pembayaran itu dilaksanakan kerana mereka yang menandatangani borang tuntutan layak dan tahu akibat yang bakal ditanggung jika membuat perakuan palsu.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan kira-kira 2,000 pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan di Kolej Universiti Insaniah Alor Star, Abdullah berkata, beliau menerima rungutan daripada

kontraktor yang mendakwa lewat menerima bayaran walaupun tuntutan lengkap sudah dikemukakan.

Beliau menegaskan, kelewatan pembayaran boleh menyebabkan projek kerajaan tergendala kerana kontraktor terputus modal yang sekali gus mengakibatkan program Pembangunan lewat disiapkan.

Abdullah juga berkata projek yang lewat disiapkan akan rosak apabila lama terbiar dan kerajaan terpaksa mengeluarkan kos tambahan sehingga dua kali ganda apabila ia mahu diteruskan.

"Biasanya, kalau projek lewat disiapkan, rakyat tidak akan senang hati terhadap kerajaan," katanya.

Sementara itu, beliau yakin Kedah akan mengalami pembangunan yang lebih pesat pada masa akan datang jika kerendah birokrasi boleh dihapuskan terutama dalam aspek sistem penyampaian.